

PENGENALAN

Little Planet memandang serius tanggungjawabnya untuk melindungi Data Peribadi anda dan pematuhan Undang-undang Berkaitan. Kami komited untuk mengendali, melindungi dan memproses Data Peribadi anda selaras dengan Dasar ini dengan sebaiknya, yang akan diaplikasikan pada segala Data Peribadi yang dikumpul melalui Platform kami.

Sila baca dan kaji Dasar ini, yang akan memaklumkan anda tentang bagaimana kami mengumpul, menggunakan, memproses, dan mendedahkan Data Peribadi anda. Kami juga mungkin mengumpul dan memproses Data Peribadi anda di bawah mana-mana pengecualian kepada Undang-undang Berkaitan, yang tidak dinyatakan dalam Dasar ini. Kami percaya bahawa Dasar ini akan membantu anda membuat keputusan secara maklum sama ada untuk memberi kami mana-mana Data Peribadi anda.

Bagi tujuan memahami Dasar Perlindungan Data Peribadi Little Planet (“**Dasar**”), perkataan-perkataan yang ditakrifkan dan digunakan dalam Dasar ini mempunyai maksud-maksud berikut:

1. **Undang-undang Berkaitan**” bermaksud Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 dan undang-undang subsidiari dan peraturan-peraturannya seperti yang dipinda dari semasa ke semasa;
2. **Data Peribadi**” bermaksud mana-mana data, sama ada benar atau tidak, yang (a) mengenai seorang individu yang boleh dikenal pasti (i) daripada data tersebut; atau (ii) daripada data tersebut dan maklumat lain yang kami punyai atau mungkin mempunyai akses kepada dan termasuk data dalam rekod kami yang dikemaskini dari semasa ke semasa, atau (b) ditakrifkan sebagai “data peribadi” atau “maklumat peribadi” di bawah mana-mana Undang-undang Perlindungan Data yang berkaitan.
3. **Platform**” bermaksud secara kolektif, Media Sosial, dan Laman Web Little Planet, dan mana-mana laman web atau aplikasi lain yang mungkin dimiliki atau dikendalikan oleh kami dari semasa ke semasa;
4. **Media Sosial**” bermaksud halaman dan akaun Little Planet di platform media sosial pihak ketiga seperti Instagram, Facebook, Twitter, Pinterest dan Google+;
5. **Laman Web**” bermaksud laman web Little Planet yang diakses melalui alamat berikut www.thelittleplanet.co; dan
6. **Little Planet, kami**” bermaksud Little Planet Trading PLT

Sepanjang hubungan kami dengan anda, kami mungkin mengumpul Data Peribadi daripada anda. Contoh-contoh jenis Data Peribadi yang kami mungkin kumpul termasuk nama anda, butiran hubungan, alamat surat-menyerat dan penghantaran, alamat e-mel, tarikh hari jadi, data rangkaian dan peranti (termasuk alamat IP dan peranti atau pengecam pengiklanan anda), tingkah laku anda semasa membeli-belah atau melayari internet, dan mana-mana maklumat peribadi lain yang telah anda berikan kepada kami dalam mana-mana borang yang dikemukakan oleh anda, atau melalui mana-mana bentuk interaksi lain antara anda dengan kami.

Jika anda memberi kami Data Peribadi yang berkenaan dengan pihak ketiga dengan menghantar Data Peribadi tersebut kepada kami, anda memberi representasi kepada kami bahawa anda telah mendapat kebenaran pihak ketiga tersebut untuk memberi Data Peribadi mereka kepada kami untuk tujuan-tujuan yang berkenaan.

Dengan (1) menghantar Data Peribadi anda kepada kami semasa mendaftar untuk sebuah akaun pada Laman Web, (2) melayari Laman Web kami, atau (3) memesan mana-mana produk dan perkhidmatan kami, anda bersetuju dengan terma-terma Dasar ini.

Kami mungkin mengemaskini Dasar ini untuk memastikan Dasar ini konsisten dengan perkembangan industri dan/atau sebarang perubahan dalam keperluan undang-undang atau peraturan. Anda bersetuju untuk terikat dengan terma-terma Dasar yang telah dikemaskini dari semasa ke semasa. Kami akan berusaha untuk memberi notifikasi kepada anda melalui e-mel atau notis dalam Laman Web tentang sebarang perubahan yang material terhadap Dasar ini.

BAGAIMANA KAMI MENGUMPUL DATA PERIBADI ANDA?

Kami mengumpul Data Peribadi daripada anda semasa:

1. Anda mendaftarkan sebuah akaun melalui Laman Web;
2. Anda menggunakan mana-mana perkhidmatan berkaitan kami, seperti memilih untuk melanggani atau menerima **newsletter** kami, notifikasi produk kami;
3. Anda melayari produk dan perkhidmatan kami atau berinteraksi dengan Laman Web kami;
4. Anda menerima **cookies** kami dalam peranti anda;
5. Anda berinteraksi dengan pasukan pengalaman pelanggan atau wakil-wakil lain kami, contohnya, melalui **webform**, e-mel, panggilan telefon, surat, atau mesyuarat bersemuka;
6. Anda berinteraksi dengan kami dalam Media Sosial, seperti menekan butang suka pada paparan kami, memberi komen pada paparan kami, menghantar mesej peribadi kepada kami dalam Media Sosial;
7. Anda menyertai promosi, cabutan bertuah, inisiatif atau sebarang permintaan kami untuk Data Peribadi tambahan seperti soal selidik pelanggan;
8. Kami menerima rujukan daripada rakan kongsi perniagaan dan pihak ketiga, contohnya, apabila mereka merujuk anda kepada kami untuk menikmati manfaat promosi bersama atau kerjasama atau untuk menebus baucar yang anda membeli melalui mereka;
9. Wakil yang diberi kuasa oleh anda menghantar Data Peribadi anda kepada kami untuk mana-mana tujuan yang diberi kuasa oleh anda secara munasabah, contohnya jika wakil tersebut membeli produk atau perkhidmatan kami untuk dihantar kepada anda sebagai hadiah;
10. Penganalisis dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga lain kami yang membekalkan Data Peribadi anda kepada kami, yang dikumpul dan diproses oleh mereka dan didedahkan kepada kami menurut dasar privasi mereka masing-masing; atau
11. Semasa anda menghantar Data Peribadi secara sukarela kepada kami untuk mana-mana sebab.

Kami secara lazimnya tidak mengumpul butiran-butiran kad kredit anda, sama ada untuk memproses bayaran anda atau untuk tujuan perkhidmatan pelanggan. Butiran-butiran kad kredit anda dikumpul, diproses dan disimpan secara langsung oleh pemproses bayaran pihak ketiga kami menurut terma-terma penggunaan dan dasar-dasar privasi mereka. Tiada butiran kad kredit anda disimpan dengan kami. Namun, kami mungkin mengumpul butiran-butiran akaun bank anda untuk memproses pembayaran balik.

Sila juga ambil perhatian tentang Dasar **Cookies** kami di bawah berkenaan dengan data yang dikumpul dan digunakan oleh **cookies** dan **trackers** pihak ketiga dalam Laman Web kami.

Kami juga mungkin mengumpul Data Peribadi anda dalam keadaan di mana pengumpulan tersebut tidak memerlukan kebenaran di bawah Undang-undang Berkaitan.

Sila memastikan bahawa semua Data Peribadi yang dihantar kepada kami adalah lengkap, tepat, benar dan betul. Kegagalan untuk berbuat demikian mungkin menyebabkan ketidakbolehan kami untuk membekalkan produk dan perkhidmatan yang diminta oleh anda.

BAGAIMANAKAH DATA PERIBADI ANDA AKAN DIGUNAKAN?

Kami mungkin menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang diperlukan untuk membekalkan produk dan perkhidmatan kami kepada anda, termasuk untuk:

1. mendaftar dan mengekalkan akaun pengguna anda dan untuk mengesahkan identiti atau umur anda;
2. memproses pemesanan anda untuk produk atau perkhidmatan kami, memproses atau mengumpul bayaran anda untuk pemesanan tersebut;
3. menghantar atau memberi produk atau perkhidmatan yang dibeli anda, termasuk bagi syarikat kurier kami menelefon atau menghantar mesej kepada anda untuk mendapatkan arahan penghantaran anda;
4. memproses pemulangan atau pembayaran balik selaras dengan Terma Perkhidmatan kami;
5. membekalkan anda dengan perkhidmatan dan fungsi-fungsi sokongan berkenaan dengan akaun pengguna anda, seperti barang yang telah disimpan dalam troli, senarai hajat, jenama atau notifikasi-notifikasi produk;
6. berkomunikasi dengan anda berkenaan dengan (i) soalan-soalan anda, permintaan dan maklum balas, (ii) perubahan material kepada Terma Perkhidmatan, Dasar atau terma-terma dan syarat-syarat lain dalam Laman Web kami, dan (iii) perkara berkaitan dengan operasi akaun anda;
7. memperbaiki dan menambah baik pengalaman pelanggan anda semasa anda melawat Laman Web dan Aplikasi tersebut, contohnya dengan memberi keutamaan kepada produk dan perkhidmatan yang dipaparkan dalam hasil carian atau suapan berita;
8. memantau dan menguatkuasa pematuhan dengan Terma Perkhidmatan kami, termasuk penyelesaian pertikaian;
9. mematuhi (i) pengawalan risiko dalaman, (ii) terma-terma akses kami untuk pemprosesan bayaran, perkhidmatan kewangan atau perbankan seperti pertikaian kad kredit, fros, kesilapan bil, atau (iii) mana-mana undang-undang yang berkaitan; dan
10. memastikan Laman Web dan Aplikasi kami berfungsi dengan baik dan untuk menambah baik prestasi mereka, dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti **debugging**, analisis-analisis statistik, untuk mengoptimumkan Laman Web kami.

(secara kolektif, “**Tujuan-tujuan**” tersebut)

Di samping itu, kami mungkin menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:

1. menghantar kepada anda komunikasi-komunikasi pemasaran berkenaan dengan jualan, produk, perkhidmatan, promosi atau Platform kami;
2. menghantar kepada anda komunikasi-komunikasi pemasaran berkenaan dengan jualan, produk, perkhidmatan atau promosi rakan-rakan perniagaan, termasuk surat promosi bersama dengan pemesanan anda;
3. menghantar iklan-iklan yang berkenaan dengan produk dan perkhidmatan kami yang mungkin anda minat dalam Platform atau laman web atau platform atas talian lain;
4. membolehkan perniagaan-perniagaan menghantar iklan-iklan yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan mereka yang mungkin anda minat;
5. menjemput anda ke acara pelanggan peribadi kami;
6. memproses penyertaan anda dalam promosi kami, cabutan bertuah, inisiatif atau mana-mana permintaan untuk Data Peribadi tambahan seperti soal selidik pelanggan;
7. memproses penyertaan anda dalam program kesetiaan atau penebusan markah oleh rakan-rakan perniagaan kami;
8. menjalankan penyelidikan pasaran dan pelanggan, analisis atau pengesanan;
9. mempromosi produk dan perkhidmatan dalam Platform kami;
10. menguruskan operasi pentadbiran dan perniagaan Little Planet dan mematuhi dasar-dasar dan prosedur-prosedur dalaman;
11. mana-mana tujuan spesifik berkaitan dengan produk atau perkhidmatan tertentu, yang kami mungkin maklumkan kepada anda secara berasingan dalam halaman produk atau perkhidmatan tersebut;

(secara kolektif, “**Tujuan-tujuan Tambahan**” tersebut)

Kami juga mungkin menggunakan Data Peribadi anda (a) untuk tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengan Tujuan-tujuan secara munasabah dan di mana kami telah mendapatkan dan mengekalkan kebenaran yang berkenaan Tujuan-tujuan Tambahan tersebut; atau (b) dalam keadaan di mana penggunaan tersebut tidak memerlukan kebenaran di bawah Undang-undang Berkaitan.

Nota: Jika anda menarik balik persetujuan untuk kami menggunakan dan memproses Data Peribadi anda untuk Tujuan-tujuan atau Tujuan-tujuan Tambahan, kami mungkin tidak boleh membekalkan anda dengan produk, perkhidmatan atau manfaat berkenaan yang dikaitkan dengan promosi kami.

DENGAN SIAPAKAH YANG AKAN KAMI BERKONGSI DATA ANDA?

Berkenaan dengan penggunaan Data Peribadi anda untuk Tujuan-tujuan atau Tujuan-tujuan Tambahan, kami mungkin mendedahkan Data Peribadi anda kepada:

1. pekerja-pekerja, perunding-perunding, pekerja-pekerja sambilan;

2. pemproses bayaran, yang memproses bayaran anda dalam Laman Web;
3. pembekal-pembekal logistik, seperti perkhidmatan kurier yang akan menghantar pemesanan kepada anda;
4. rakan-rakan perniagaan yang mengekalkan sebuah akaun dengan anda secara berasingan untuk program-program kesetiaan atau penebusan markah;,,
5. rakan-rakan perniagaan atau penjual-penjual berhubungan dengan pemprosesan mana-mana promosi, acara atau perkhidmatan yang dianjurkan oleh kami;
6. penasihat-penasihat dan perunding-perunding profesional;
7. ejen-ejen, kontraktor-kontraktor atau pembekal-pembekal perkhidmatan yang membekalkan perkhidmatan operasi kepada kami, seperti simpanan **cloud** dan pemprosesan, pengoptimuman pemasaran, teknologi maklumat, telekomunikasi, keselamatan atau perkhidmatan berkenaan lain yang memerlukan pengumpulan, penggunaan, atau pendedahan Data Peribadi; dan
8. mana-mana pihak lain yang diberi kuasa oleh anda untuk mendedahkan Data Peribadi anda.

Kami juga mungkin mendedahkan Data Peribadi anda (a) untuk tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengan Tujuan-tujuan secara munasabah dan di mana kami telah mendapatkan dan mengekalkan kebenaran, Tujuan-tujuan Tambahan; atau (b) dalam keadaan di mana pendedahan tersebut tidak memerlukan kebenaran di bawah Undang-undang Berkaitan.

Kami melakukan yang terbaik untuk meminimumkan pendedahan Data Peribadi anda ke maklumat yang diperlukan untuk menjalankan Tujuan-tujuan atau Tujuan Tambahan yang berkaitan.

BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MENGAKSES ATAU MEMBETULKAN DATA PERIBADI SAYA?

Anda boleh mengakses atau membetulkan nama, alamat e-mel, tarikh hari jadi, alamat penghantaran dan alamat bil dan nombor untuk dihubungi dengan mendaftar masuk kepada akaun pengguna anda dalam Laman Web di bawah "**Account Details**" dan menekan butang "**Edit**" di bawah setiap kawasan berkenaan. Perubahan ini adalah serta merta.

Untuk Data Peribadi yang tidak boleh dibetulkan oleh anda dengan mendaftar masuk ke akaun pengguna anda dalam Laman Web, anda boleh meminta untuk mengakses dan membetulkan Data Peribadi tersebut dengan menghantar satu permintaan bertulis kepada kami melalui borang maklum balas kami (boleh didapatkan di <https://www.thelittleplanet.co/a/contact-form>) atau dengan menghantar e-mel kepada kami di littleplanetco@gmail.com. Kami mungkin perlu meminta maklumat tambahan daripada anda untuk mengesahkan identiti sebelum memberi akses kepada anda atau membuat pembetulan tersebut.

Kami akan melakukan sebaik mungkin untuk memberi maklum balas kepada permintaan akses dan pembetulan Data Peribadi dalam masa 21 hari. Dalam keadaan di mana kami tidak dapat mematuhi garis masa ini, kami akan memaklumkan anda dalam masa terdekat di mana kami boleh membekalkan maklumat tersebut atau membuat pembetulan. Sila mengambil perhatian bahawa permintaan akses dan pembetulan untuk jenis-jenis Data Peribadi tertentu mungkin boleh dikecualikan di bawah Undang-undang Berkaitan.

Ambil perhatian bahawa kami mungkin mengecaj anda satu bayaran yang munasabah untuk mengandali dan memproses permintaan akses Data Peribadi anda.

Kami akan menghantar Data Peribadi anda yang telah diperbetulkan kepada setiap orang atau entiti lain yang pernah didedahkan oleh Little Planet dalam masa setahun sebelum tarikh pembetulan, kecuali jika orang atau entiti tersebut tidak memerlukan Data Peribadi yang telah diperbetulkan itu untuk sebarang tujuan undang-undang atau perniagaan atau kecuali jika kami percaya secara munasabah bahawa orang atau entiti lain tersebut telah berhenti menggunakan Data Peribadi tersebut untuk tujuan ia didedahkan.

PERMINTAAN UNTUK MENARIK BALIK KEBENARAN

Jika anda ingin menarik balik kebenaran anda yang membolehkan kami menghantar maklumat jualan, pemasaran atau promosi, sila maklumkan kepada kami melalui emel ke littleplanetco@gmail.com

Sebaik sahaja kami menerima notifikasi bahawa anda ingin menarik balik kebenaran anda daripada menerima bahan pemasaran atau promosi atau komunikasi, ia mungkin akan mengambil masa sehingga tiga puluh (30) hari untuk penarikan balik anda dipaparkan dalam sistem. Oleh itu, anda mungkin akan menerima bahan pemasaran atau promosi atau komunikasi dalam tempoh ini.

Jika anda menarik balik kebenaran anda untuk menerima bahan pemasaran atau promosi melalui cara komunikasi spesifik (cth. SMS), kami mungkin masih akan menghubungi anda untuk tujuan-tujuan lain berkaitan dengan produk dan perkhidmatan melalui cara komunikasi lain yang telah anda pilih (cth. e-mel).

Anda boleh menarik balik kebenaran anda untuk pengumpulan, penggunaan dan/atau pendedahan mana-mana Data Peribadi anda dalam milikan atau kawalan kami dengan menghantar permintaan bertulis melalui e-mel kepada kami melalui littleplanetco@gmail.com. Ambil perhatian bahawa, bergantung kepada sifat penarikbalikan kebenaran tersebut, kami mungkin tidak boleh terus membekalkan anda dengan sesetengah atau semua produk atau perkhidmatan kami. Kami akan memproses permintaan tersebut dalam masa yang munasabah dari masa menerima notis penarikbalikan kebenaran daripada anda. Sebaik sahaja pemprosesan dilengkapai, kami tidak akan mengumpul, menggunakan dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda, kecuali sejauh mana kami menyimpan Data Peribadi anda untuk pematuhan, pengawalseliaan atau tujuan-tujuan undang-undang lain.

PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN DATA PERIBADI

Kami akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa Data Peribadi yang mungkin digunakan oleh kami atau didedahkan oleh kami kepada organisasi lain adalah tepat dan lengkap. Namun, anda hendaklah memaklumkan perkembangan tentang sebarang perubahan dalam Data Peribadi anda. Kami tidak akan bertanggungjawab di mana kami bergantung kepada Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap jika anda tidak memaklumkan kami tentang perubahan tersebut.

Kami juga akan menyediakan aturan keselamatan munasabah untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda adalah dilindungi dan diselia dengan memadai. Hal ini termasuk mengambil langkah-langkah munasabah untuk mengelakkan sebarang akses, pegumpulan, penggunaan, pendedahan, penyalinan, pengubahsuaian, kebocoran, kehilangan, kemusnahan, atau pengubahan Data Peribadi anda tanpa kebenaran. Namun, kami tidak akan bertanggungjawab untuk mana-mana penggunaan Data Peribadi tanpa kebenaran oleh pihak ketiga yang berpunca daripada faktor-faktor di luar kawalan kami.

Apabila Data Peribadi anda dalam milikan kami (i) tidak diperlukan lagi untuk mana-mana sebab yang berkaitan dengan tujuan asal pengumpulannya atau (ii) penyimpanan oleh kami tidak lagi diperlukan untuk mana-mana tujuan undang-undang atau perniagaan lain, kami akan mengambil langkah untuk memastikan bahawa Data Peribadi tersebut telah dimusnahkan, dipadamkan secara kekal, atau dianonimasikan.

Jika Data Peribadi dipindahkan ke luar Malaysia, kami akan mematuhi Undang-undang Berkaitan dalam melakukan sedemikian. Hal ini merangkumi: (i) mendapatkan kebenaran anda, kecuali jika wujudnya pengecualian di bawah Undang-undang Berkaitan atau mana-mana undang-undang lain, dan (ii) mengambil langkah-langkah munasabah untuk mengenalpasti sama ada penerima warga asing Data Peribadi tersebut adalah terikat untuk mematuhi tahap-tahap perlindungan yang sekurang-kurangnya setaraf dengan Undang-undang Berkaitan tersebut.

COOKIES PIHAK KETIGA

Little Planet menggunakan perkhidmatan penjual pihak ketiga, yang mungkin menggunakan **cookies** dalam Laman Web. Iklan-iklan pada Laman Web mungkin dibekalkan oleh agensi-agensi pihak ketiga. Iklan-iklan ini mungkin juga menjana **cookies**, contohnya, untuk mengesan beberapa orang telah melihat iklan tersebut. Pengumpulan, penggunaan, dan pendedahan maklumat, termasuk Data Peribadi, dikumpul oleh **cookies** pihak ketiga adalah tertakluk kepada dasar-dasar privasi dan perlindungan data peribadi penjual pihak ketiga tersebut dan bukan dalam kawalan kami.

Anda boleh menolak **cookies** pihak ketiga melalui tetapan pada pelayar anda. Ambil perhatian bahawa ini mungkin menyebabkan kehilangan fungsi Laman Web, mengehadkan penggunaan Laman Web anda, atau melambatkan atau menjelaskan cara operasi Laman Web tersebut.

GOOGLE ANALYTICS

Little Planet menggunakan sesetengah fungsi **Google Analytics**. Sila melihat [pautan ini](#) untuk cara bagaimana data anda dikumpul dan [pautan ini](#) untuk arahan tentang bagaimana untuk memilih keluar mana-mana pengesanan data **Google Analytics**.

Little Planet mungkin menggunakan ciri-ciri **Google Analytics** berdasarkan **Display Advertising**, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut: **Remarketing**, **Google Display Network Impression Reporting**, **DoubleClick Campaign Manager Integration**, dan **Google Analytics Demographics** dan **Interest Reporting**. Dengan menggunakan **Google Ads Settings**, anda boleh memilih keluar daripada **Google Analytics** untuk **Display Advertising** dan menyesuaikan iklan-iklan **Google Display Network**.

Little Planet juga menggunakan **Remarketing with Google Analytics** untuk membuat iklan atas talian; penjual pihak ketiga, termasuk **Google**, mungkin memaparkan iklan-iklan Little Planet dalam laman web di seluruh Internet. Little Planet dan penjual pihak ketiga, termasuk **Google**, menggunakan **cookies** pihak pertama (seperti **cookie Google Analytics**) dan **cookies** pihak ketiga (seperti **cookie DoubleClick**) bersama untuk memaklumkan, mengoptimumkan, dan menyediakan iklan-iklan berdasarkan lawatan lampau pelawat-pelawat ke Little Planet, dan melaporkan bagaimana tanggapan iklan, penggunaan perkhidmatan iklan yang lain, dan interaksi dengan tanggapan iklan dan perkhidmatan iklan adalah berkaitan dengan lawatan ke Little Planet.

Semasa anda mendaftar masuk ke laman web Little Planet, Little Planet mungkin menggunakan tingkah laku pelayaran internet anda dengan bantuan **Google Analytics** untuk menyambungkannya dengan mana-mana data lain yang dibekalkan oleh anda sebelum ini, selaras dengan Dasar ini.

HUBUNGI KAMI

Untuk mana-mana soalan mengenai Data Peribadi anda atau tentang Dasar ini, jika anda mempunyai sebarang aduan mengenai pengumpulan, penggunaan, atau pengendalian Data Peribadi anda oleh kami, atau soalan tentang bagaimana kami mematuhi dengan Undang-undang Berkaitan, anda boleh menghubungi kami melalui e-mel di littleplanetco@gmail.com

E-mel mesti jelas menyatakan bahawa anda sedang membuat pertanyaan perlindungan data, permintaan atau pengaduan dalam perkara subjek untuk memastikan bahawa perkara tersebut ditangani dengan baik. Kami akan berusaha untuk berurusan dengan mana-mana pertanyaan, permintaan atau aduan dengan segera dan adil.

UNDANG-UNDANG

Dasar ini dan penggunaan Laman Web anda ini hendaklah dikawal dari semua aspek dengan undang-undang Malaysia.

PENGEMASKINIAN DASAR PERLINDUNGAN DATA

Sebagai usaha kami untuk memastikan bahawa kami mengurus, melindungi, dan memproses Data Peribadi anda dengan sewajarnya, kami akan menyemak semula dasar-dasar, prosedur-prosedur dan proses-proses dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, Little Planet mungkin mengemaskini Dasar ini untuk memastikan Dasar ini konsisten dengan perkembangan industri dan sebarang perubahan dalam keperluan undang-undang atau peraturan. Kami memelihara hak budi bicara mutlak untuk meminda terma-terma Dasar ini.

Tertakluk kepada hak anda dari sisi undang-undang, anda bersetuju untuk terikat dengan terma-terma Dasar terkini seperti yang dikemaskini dari semasa ke semasa dalam Laman Web kami. Mana-mana Dasar yang dipinda akan dimuatnaik dalam laman web kami dan boleh dilihat di <https://www.thelittleplanet.co/legal/privacy-policy>. Dengan menggunakan Platform-platform dan/atau perkhidmatan secara berterusan selepas Dasar ini dipinda, anda dengan ini bersetuju untuk terikat dengan terma-terma Dasar yang telah dipinda.

Anda digalakkan untuk melawati Laman Web di atas dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa anda dimaklumkan dengan baik tentang dasar-dasar terkini kami berkenaan dengan perlindungan Data Peribadi.

BAHASA DASARINI

Selaras dengan keperluan Undang-undang Berkaitan, Dasar ini disediakan dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Dalam keadaan ketidakseragaman atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.